Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH) (e-ISSN : 2504-8562)
2022, Volume 7, Issue 11, e002005
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i11.2005

Pendekatan Proses Belajar dalam kalangan Murid Sejarah: Permukaan atau Dalaman?

(Study Process Approach among History Students: Surface or Deep?)

K. Kulasingam[1], M. Kaviza[2*]

[1]Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia, Gelugor, 11800 Pulau Pinang, Malaysia.
Email: kula7977@gmail.com
[2]SMK Tengku Suleiman, Beseri, 02400 Perlis, Malaysia.
Email: kavizakaviza@yahoo.com

CORRESPONDING AUTHOR (*):
M. Kaviza
(kavizakaviza@yahoo.com)

KATA KUNCI:
Proses Belajar
Revised Two Factor Study Process Questionnaire (R-SPQ-2F)
Murid sejarah

KEYWORDS:
Study process
Revised Two Factor Study Process Questionnaire (R-SPQ-2F)
History student

CITATION:
K. Kulasingam & M. Kaviza. (2022). Pendekatan Proses Belajar dalam kalangan Murid Sejarah:
Permukaan atau Dalaman?. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 7*(11), e002005.
https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i11.2005

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti amalan pendekatan proses belajar yang lebih dominan yang dipraktikkan dalam kalangan murid sejarah. Seramai 150 orang murid terlibat dalam kajian ini. Instrumen kajian ini merupakan *Revised Two Factor Study Process Questionnaire*. Data kajian ini telah dianalisis secara deskriptif dan inferensi. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa amalan pendekatan proses belajar permukaan dan dalaman berada pada tahap sederhana tinggi. Selain itu, amalan pendekatan proses belajar dalaman berada pada tahap sederhana tinggi manakala proses belajar permukaan berada pada tahap sederhana rendah bagi murid lelaki dan perempuan walaupun tidak terdapat perbezaan min yang signifikan amalan pendekatan proses belajar berdasarkan jantina. Dapatan kajian ini turut melaporkan bahawa amalan pendekatan proses belajar dalaman merupakan pendekatan proses belajar yang lebih dominan dipraktikkan dalam kalangan murid sejarah. Implikasi kajian ini telah mencadangkan kepada guru-guru sejarah untuk melaksanakan proses pembelajaran yang berkesan menjurus ke arah pengaplikasian pendekatan pembelajaran secara mendalam yang berpusatkan murid.

ABSTRACT

This study aims to identify the more dominant process study approach practiced among history students. A total of 150 students were involved in this study. The research instrument is the Revised Two Factor Study Process Questionnaire. The data of this study has been analyzed descriptively and inferentially. The findings of this study show that the surface and deep study process approach is at moderately high. In addition, the practice of the deep study process approach is at moderately high while the surface study process is at moderately low level for male and female students although there is no significant mean difference of study process based on gender. The findings

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

also report the deep study process approach is the more dominant practiced among history students. The implications of this study suggested for history teachers to implement a more effective learning process focusing on deep learning strategy and student centered learning approach.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini memberikan gambaran tentang amalan pendekatan proses belajar yang dipraktikkan dalam kalangan murid sejarah di sekolah menengah.

1. Pengenalan

Perkembangan pesat dalam bidang pendidikan Malaysia yang berteraskan kepada Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 telah melakarkan keperluan keberhasilan dan pembangunan murid yang holistik melalui enam aspirasi murid utama iaitu pengetahuan, kemahiran berfikir, kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, etika dan kerohanian dan identiti nasional bagi membolehkan murid-murid dapat menerajui pembangunan ekonomi dan dunia global pada masa hadapan (Kementerian Pendidikan Malaysia [KPM], 2013). Sehubungan dengan itu, pendidikan sejarah juga tidak ketinggalan dalam menyahut cabaran tersebut bagi menghasilkan anjakan pencapaian dalam kemenjadian murid yang telah disarankan dengan memberi keutamaan kepada kualiti pengajaran dan pembelajaran yang lebih bermakna dan setanding dengan piawai standard antarabangsa. Rentetan daripada itu, adalah tidak disangkal juga bahawa elemen proses belajar memainkan peranan penting dalam menentukan pencapaian matlamat kurikulum dan keberkesanan kualiti pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran sejarah seperti yang telah disarankan dalam Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) (Pusat Perkembangan Kurikulum [PPK], 2018; Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013; Smith, 2005). Hal ini demikian kerana pembelajaran murid adalah melibatkan proses belajar yang dipraktikkan bagi memperoleh ilmu pengetahuan serta proses dalaman dalam menghasilkan perubahan tingkah laku yang kekal yang dikembangkan berdasarkan pengalaman (Baharom & Iliyas, 2010; Mok, 2008).

Sungguhpun begitu, proses belajar juga dirujuk sebagai pendekatan atau strategi belajar yang menyediakan peluang kepada murid untuk menguasai sesuatu perkara atau tugasan serta memberi tumpuan kepada bagaimana pengetahuan yang diperolehi tersebut diproses dan diadaptasi ke dalam struktur kognitif (Garrison, Andrews & Magnusson, 1995; Wartinelli & Reykau, 2017; Cillers & Sternberg, 2001). Rentetan daripada itu, Biggs, Kember dan Leung (2001) telah mengenal pasti dua pendekatan utama dalam proses belajar iaitu pendekatan proses belajar permukaan (*surface*) dan dan pendekatan proses belajar dalaman (*deep*). Melalui pendekatan proses belajar dalaman, murid-murid didapati lebih bermotivasi dalam meneroka pengetahuan baru dengan mengadaptasi pengetahuan sedia ada. Manakala, melalui pendekatan proses belajar permukaan pula, murid-murid hanya mengadaptasi konsepsi atau pengetahuan sedia ada dengan proses penerimaan secara pasif (Hassall & Joyce, 2001; Wartinelli & Reykau, 2017; Cillers & Sternberg, 2001; Bronde et al., 2020). Tambahan pula, menurut Biggs (1987), pendekatan proses belajar terdiri daripada dua konstruk utama iaitu konstruk motif iaitu merujuk kepada mengapa murid mengaplikasikan pendekatan proses belajar dan konstruk strategi iaitu bagaimana murid mengaplikasikan pendekatan proses belajar tersebut. Ciri-ciri pendekatan proses belajar permukaan dan

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

proses belajar dalaman (Entwistle, 1987; Entwistle & Tait, 1990; Yesilyurt, 2013; Lake, Boyd & Boyd, 2017; Ahamed et al., 2017) adalah seperti berikut:

i. **Pendekatan proses belajar permukaan**:
   a. Bersedia menyiapkan tugasan yang diberikan
   b. Menghafal maklumat yang diperlukan dalam pembelajaran
   c. Tidak berupaya membezakan fakta dan contoh
   d. Menganggap mata pelajaran memberi kesan luaran kepada diri sendiri
   e. Menumpukan kepada idea atau isi tertentu tanpa mampu menghubungkaitkannya
   f. Tidak mampu membuat refleksi pembelajaran
   g. Tidak mampu menentukan strategi dalam mencapai objektif pembelajaran

ii. **Pendekatan proses belajar dalaman**:
   a. Bersedia untuk memahami pembelajaran
   b. Mampu mewujudkan komunikasi dua hala yang baik
   c. Menjana idea baru berdasarkan pengetahuan sedia ada
   d. Berupaya mengaplikasikan pengetahuan dan idea dalam kehidupan harian
   e. Membuat kesimpulan terhadap sesuatu isu atau situasi sedia ada
   f. Berupaya memahami kesignifikan sesi perbincangan

Walau bagaimanapun, adalah tidak dinafikan bahawa proses belajar adalah berteraskan kepada Teori Pembelajaran Konstruktivisme yang menyediakan murid sebagai pembina pengetahuan secara aktif dan bukannya sebagai penerima pengetahuan, di samping menyediakan peluang kepada murid untuk membina pengetahuan tentang topik yang dipelajari dengan cara mengaitkannya dengan pengetahuan atau pengalaman sedia ada (Noriati et al., 2009; Duffy & Cunningham, 1996; Gagnon & Collay, 2001; Fourie, 2003).

Seperti yang diketahui, soal selidik asal *Study Process Questionnaire* (SPQ) telah dibina berdasarkan kerangka teoritikal yang dibina oleh Biggs (1987) yang terdiri daripada tiga komponen atau faktor iaitu pendekatan permukaan (*surface)*, pendekatan dalaman (*deep*) dan pendekatan pencapaian (*achieving*) yang setiap satu faktor tersebut mempunyai konstruk motif dan strategi. Walaupun soal selidik asal tersebut telah digunakan secara meluas dalam pelbagai disiplin ilmu, konteks pendidikan dan di seluruh dunia (Taher & Jin, 2011; Leung et al, 2006), namun kajian–kajian lepas telah mencadangkan bahawa model dua faktor melalui pendekatan proses belajar permukaan dan proses belajar dalaman adalah lebih baik berbanding dengan model tiga faktor tersebut. Hal ini adalah disebabkan oleh telah dibuktikan mempunyai korelasi yang baik terhadap pencapaian akademik dalam kalangan murid (Kember & Leung, 1998; Zhang, 2000; Gijbels et al., 2005; Phan & Deo, 2007; Bliac et al., 2011). Sehubungan dengan itu, versi *Revised Two-Factor Study Process Questionnaire* (R-SPQ-2F) telah digunakan meluas dalam sistem pendidikan (Biggs, Kember & Leung, 2001) dan menjadi justifikasi pemilihan pengkaji untuk meninjau pendekatan proses belajar yang dipraktikkan oleh murid-murid sejarah dalam kajian ini.

1.1. Pernyataan Masalah

Adalah diakui bahawa pendekatan proses belajar merupakan elemen penting dalam membentuk persekitaran pembelajaran yang kondusif bagi membantu meningkatkan kompetensi dalam kalangan murid sejarah dari aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai. Hal ini demikian kerana mata pelajaran sejarah merupakan disiplin ilmu yang bersifat

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

dinamik yang perlu dipelajari oleh murid-murid secara berterusan dari Tingkatan Satu hingga ke Tingkatan Lima ke arah pemupukan proses pembelajaran sepanjang hayat (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2018). Namun, keperluan untuk mengenal pasti amalan pendekatan proses belajar yang dipraktikkan dalam kalangan murid sejarah adalah disarankan dan saranan ini adalah rentetan daripada dapatan kajian-kajian lepas yang telah menjelaskan bahawa proses belajar mempunyai kaitan dengan elemen murid, konteks, tugasan, pencapaian, motivasi, metakognitif dan sebagainya (Ahamed et al., 2017; Bronde et al., 2020; Yesilyurt, 2013; Smith, 2005; Taher & Jin, 2011; Choy, O'Gready & Rotgans, 2012; Ellah, Nwargu & Achor, 2018). Sungguhpun begitu, melalui penerokaan terhadap amalan pendekatan proses belajar dalam kalangan murid sejarah adalah diharapkan dapat membantu guru-guru sejarah untuk merancang dan melaksanakan proses pembelajaran dan pemudahcaraan mata pelajaran sejarah dengan lebih efektif dan berkesan agar matlamat untuk melahirkan murid-murid sejarah yang arif dan peka ilmu sejarah dapat dicapai (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2018). Justeru, terdapat satu keperluan kepada pengkaji untuk meninjau amalan pendekatan proses belajar yang dominan dipraktikkan dalam kalangan murid sejarah yang masih belum diketahui lagi sejak pelaksanaan Kurikulum KSSM secara berperingkat mulai tahun 2017.

1.2. Tujuan Kajian

Tujuan kajian ini ialah untuk mengenal pasti tahap amalan pendekatan proses belajar permukaan dan dalaman serta konstruknya iaitu motif dan strategi dalam kalangan murid sejarah, di samping mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan min yang signifikan bagi amalan pendekatan proses belajar permukaan dan dalaman serta konstruknya berdasarkan jantina. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk mengenal pasti amalan pendekatan proses belajar yang lebih dominan dipratikkan semasa proses pembelajaran dan pemudahcaraan mata pelajaran sejarah.

1.3. Objektif Kajian

Objektif kajian ini ialah:

i. Mengenal pasti tahap amalan pendekatan proses belajar permukaan dan dalaman serta konstruknya iaitu motif dan strategi dalam kalangan murid sejarah
ii. Mengenal pasti tahap amalan pendekatan proses belajar permukaan dan dalaman serta konstruknya iaitu motif dan strategi dalam kalangan murid lelaki dan murid perempuan
iii. Mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan min yang signifikan bagi amalan pendekatan proses belajar permukaan dan dalaman serta konstruknya iaitu motif dan strategi berdasarkan jantina
iv. Mengenal pasti amalan pendekatan proses belajar yang lebih dominan dipratikkan semasa proses pembelajaran dan pemudahcaraan mata pelajaran sejarah

1.4. Persoalan Kajian

Soalan kajian ini ialah:

i. Apakah tahap amalan pendekatan proses belajar permukaan dan dalaman serta konstruknya iaitu motif dan strategi dalam kalangan murid sejarah?

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

ii. Apakah tahap amalan pendekatan proses belajar permukaan dan dalaman serta konstruknya iaitu motif dan strategi dalam kalangan murid lelaki dan murid perempuan?
iii. Adakah terdapat perbezaan min yang signifikan bagi amalan pendekatan proses belajar permukaan dan dalaman serta konstruknya iaitu motif dan strategi berdasarkan jantina?
iv. Apakah amalan pendekatan proses belajar yang lebih dominan dipratikkan semasa proses pembelajaran dan pemudahcaraan mata pelajaran sejarah?

1.5. Hipotesis Kajian

Dua hipotesis utama dan sub-hipotesis nul kajian (H_o) telah dibentuk untuk diuji kesignifikannya pada aras p=0.05 bagi menjawab soalan kajian ketiga dalam kajian ini iaitu:

H_{o1}: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan min amalan pendekatan proses belajar permukaan berdasarkan jantina

H_{o1a}: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan min amalan pendekatan proses belajar permukaan bagi konstruk motif berdasarkan jantina

H_{o1b}: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan min amalan pendekatan proses belajar permukaan bagi konstruk strategi berdasarkan jantina

H_{o2}: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan min amalan pendekatan proses belajar dalaman berdasarkan jantina

H_{o2a}: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan min amalan pendekatan proses belajar dalaman bagi konstruk motif berdasarkan jantina

H_{o2b}: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan min amalan pendekatan proses belajar dalaman bagi konstruk strategi berdasarkan jantina

2. Metod Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk tinjauan. Sampel kajian ini merupakan 150 orang murid sejarah Tingkatan Lima yang telah ditentukan melalui teknik persampelan rawak mudah. Instrumen kajian ini merupakan soal selidik *Revised Two Factor Study Process Questionnaire* (R-SPQ-2F) (Biggs et al., 2001). Instrumen ini telah diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu oleh Sharifah Amnah (2009) dalam ijazah kedoktorannya. Kebenaran menggunakan instrumen tersebut telah diperoleh daripada pembina dan penterjemahnya. Instrumen ini telah disemak kesahannya oleh pakar penilai serta mempunyai nilai kebolehpercayaan yang baik iaitu nilai *Cronbach Alpha* 0.76 (Nunnally & Berstein, 1994) dan diterima bagi tujuan kajian ini. Data kajian ini telah dianalisis secara statistik deskriptif dan inferensi iaitu ujian-t sampel tak bersandar melalui perisian *IBMSPSS*. Interpretasi tahap proses belajar telah ditentukan berdasarkan empat tahap iaitu tahap rendah, tahap sederhana rendah, tahap sederhana tinggi dan tahap tinggi yang telah diadaptasi daripada Nunnally dan Berstein (1994) seperti ditunjukkan pada Jadual 1.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Jadual 1: Interpretasi Tahap Min

Min	Tahap
1.00 – 2.00	Rendah
2.01 – 3.00	Sederhana Rendah
3.01 – 4.00	Sederhana Tinggi
4.01 – 5.00	Tinggi

Sumber: Adaptasi daripada Nunnally dan Berstein (1994)

3. Dapatan Kajian

3.1. Tahap amalan pendekatan proses belajar permukaan dan dalaman serta konstruknya


3.1.1. Tahap amalan pendekatan proses belajar permukaan serta konstruknya

Berdasarkan Jadual 2 dan Graf 1, tahap amalan pendekatan proses belajar permukaan (*M*=3.02, *SD*=0.58) adalah berada pada tahap sederhana tinggi dalam kajian ini. Dari segi konstruknya pula, tahap konstruk motif (*M*=2.98, *SD*=0.65) berada pada tahap sederhana rendah, manakala tahap konstruk strategi (*M*=3.06, *SD*=0.64) berada pada tahap sederhana tinggi dalam kajian ini. Justeru, dapat dirumuskan bahawa tahap amalan pendekatan proses belajar permukaan dalam kalangan murid sejarah berada pada tahap sederhana tinggi dalam kajian ini.

Jadual 2: Min dan Tahap amalan pendekatan Proses Belajar Permukaan dan Konstruknya

Konstruk	Min (*M*)	Sisihan Piawai (*SD*)	Tahap
Proses Belajar Permukaan	3.02	0.58	Sederhana Tinggi
Motif	2.98	0.65	Sederhana Rendah
Strategi	3.06	0.64	Sederhana Tinggi

Graf 1: Amalan Pendekatan Proses Belajar Permukaan dalam Kalangan Murid Sejarah



© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).


3.1.2. Tahap amalan pendekatan proses belajar dalaman serta konstruknya

Berdasarkan Jadual 3 dan Graf 2, tahap amalan pendekatan proses belajar dalaman (*M*=3.17, *SD*=0.74) adalah berada pada tahap sederhana tinggi. Dari segi konstruknya pula, tahap konstruk motif (*M*=3.02, *SD*=0.58) berada pada tahap sederhana tinggi, manakala tahap konstruk strategi (*M*=3.02, *SD*=0.58) berada pada tahap sederhana tinggi dalam kajian ini. Justeru, dapat dirumuskan bahawa tahap amalan pendekatan proses belajar dalaman dalam kalangan murid sejarah berada pada tahap sederhana tinggi dalam kajian ini.

Jadual 3: Min dan Tahap Amalan Pendekatan Proses Belajar Dalaman dan konstruknya

Konstruk	Min (*M*)	Sisihan Piawai (*SD*)	Tahap
Proses Belajar Dalaman	3.17	0.74	Sederhana Tinggi
Motif	3.10	0.72	Sederhana Tinggi
Strategi	3.23	0.99	Sederhana Tinggi

Graf 2: Amalan Pendekatan Proses Belajar Dalaman dalam kalangan Murid Sejarah



4.2. Tahap amalan pendekatan proses belajar permukaan dan dalaman serta konstruknya berdasarkan jantina

4.2.1. Tahap amalan pendekatan proses belajar permukaan serta konstruknya berdasarkan jantina

Berdasarkan Jadual 4, min amalan pendekatan proses belajar permukaan bagi murid perempuan (*M*=3.10, *SD*=0.66) adalah lebih tinggi dan berada pada tahap sederhana tinggi berbanding dengan murid lelaki (*M*=2.93, *SD*=0.48) yang berada pada tahap sederhana rendah dalam kajian ini. Dari segi konstruknya pula, min konstruk motif bagi murid perempuan (*M*=3.05, *SD*=0.68) adalah lebih tinggi dan berada pada tahap sederhana tinggi berbanding dengan murid lelaki (*M*=2.90, *SD*=0.62) yang berada pada tahap sederhana rendah. Seterusnya, min konstruk strategi bagi murid perempuan (*M*=3.15, *SD*=0.72) adalah lebih tinggi dan berada pada tahap sederhana tinggi berbanding dengan murid lelaki (*M*=2.96, *SD*=0.52) yang berada pada tahap sederhana rendah dalam kajian ini. Justeru, dapat dirumuskan bahawa tahap amalan pendekatan proses belajar permukaan termasuk dari aspek konstruk motif dan strategi bagi murid

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

lelaki berada pada tahap sederhana rendah dan bagi murid perempuan berada pada tahap sederhana tinggi.

Jadual 4: Min dan Tahap Amalan Pendekatan Proses Belajar Permukaan Berdasarkan Jantina

Jantina	**Proses Belajar**		
	Min (*M*)	**Sisihan Piawai (*SD*)**	**Tahap**
Proses Belajar Permukaan			
Lelaki (*N*=73)	2.93	0.48	Sederhana Rendah
Perempuan (*N*=77)	3.10	0.66	Sederhana Tinggi
Motif			
Lelaki (*N*=73)	2.90	0.62	Sederhana Rendah
Perempuan (*N*=77)	3.05	0.68	Sederhana Tinggi
Strategi			
Lelaki (*N*=73)	2.96	0.52	Sederhana Rendah
Perempuan (*N*=77)	3.15	0.72	Sederhana Tinggi

4.2.2. Tahap amalan pendekatan *proses belajar dalaman serta konstruknya berdasarkan jantina*

Berdasarkan Jadual 5, min amalan pendekatan proses belajar dalaman bagi murid perempuan (*M*=3.18, *SD*=0.83) adalah lebih tinggi berbanding dengan murid lelaki (*M*=3.15, *SD*=0.63) dan kedua-duanya berada pada tahap sederhana tinggi. Dari segi konstruknya, min konstruk motif bagi murid lelaki (*M*=3.12, *SD*=0.69) adalah lebih tinggi berbanding dengan murid perempuan (*M*=3.09, *SD*=0.74) dan kedua-duanya berada pada tahap sederhana tinggi. Seterusnya, min konstruk strategi bagi murid perempuan (*M*=3.28, *SD*=1.24) adalah lebih tinggi berbanding dengan murid lelaki (*M*=3.02, *SD*=0.58) dan kedua-duanya berada pada tahap sederhana tinggi dalam kajian ini. Justeru, dapat dirumuskan bahawa tahap amalan pendekatan proses belajar dalaman termasuk dari aspek konstruk motif dan strategi bagi murid lelaki dan murid perempuan berada pada tahap sederhana tinggi dalam kajian ini.

Jadual 5: Min dan Tahap Amalan Pendekatan Proses Belajar Dalaman Berdasarkan Jantina

Jantina	**Proses Belajar**		
	Min (*M*)	**Sisihan Piawai (*SD*)**	**Tahap**
Proses Belajar Dalaman			
Lelaki (*N*=73)	3.15	0.63	Sederhana Tinggi
Perempuan (*N*=77)	3.18	0.83	Sederhana Tinggi
Motif			
Lelaki (*N*=73)	3.12	0.69	Sederhana Tinggi
Perempuan (*N*=77)	3.09	0.74	Sederhana Tinggi
Strategi			
Lelaki (*N*=73)	3.18	0.65	Sederhana Tinggi
Perempuan (*N*=77)	3.28	1.24	Sederhana Tinggi

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

4.3. Perbezaan min amalan pendekatan proses belajar permukaan dan dalaman serta konstruknya berdasarkan jantina

4.3.1. Perbezaan min amalan pendekatan *proses belajar permukaan serta konstruknya berdasarkan jantina*

Berdasarkan keputusan ujian *Levene's* yang tidak signifikan (F=6.43, p=0.12), keputusan ujian-t sampel tak bersandar dalam Jadual 6 telah melaporkan bahawa tidak terdapat perbezaan min yang signifikan bagi amalan pendekatan proses belajar permukaan [t(148)=-1.79, p=0.08] berdasarkan jantina. Dari segi konstruknya, berdasarkan keputusan ujian *Levene's* yang tidak signifikan dalam Jadual 6 juga telah melaporkan bahawa tidak terdapat perbezaan min yang signifikan bagi amalan pendekatan proses belajar permukaan dari segi konstruk motif [t(148)=-1.42, p=0.16] dan dari segi konstruk strategi [t(148)=-1.83, p=0.07] berdasarkan jantina. Justeru, H_{o1} H_{o1a} dan H_{o1b} telah diterima. Maka, dapat dirumuskan bahawa amalan pendekatan proses belajar permukaan secara keseluruhannya dan dari segi konstruk motif dan strategi adalah sama antara murid lelaki dan murid perempuan dalam kajian ini.

Jadual 6: Ujian-t Sampel Tak Bersandar bagi Amalan Pendekatan Proses Belajar Permukaan Berdasarkan Jantina

Perbezaan min	**Ujian-t bagi persamaan min**								
	Ujian *Levene's*		***t***	***df***	***p***	**Perbezaan min**	**Min ralat Piawai**	**99% selang keyakinan bagi perbezaan**	
	F	***p***						**Bawah**	**Atas**
Permukaan	6.43	0.12	-1.79	148	0.08	-0.17	0.09	-0.36	0.02
Motif	0.22	0.64	-1.42	148	0.16	-0.15	0.11	-0.36	0.06
Strategi	10.59	0.10	-1.83	148	0.07	-0.19	0.10	-0.39	0.01

4.3.2. Perbezaan min amalan pendekatan *proses belajar dalaman serta konstruknya berdasarkan jantina*

Berdasarkan keputusan ujian *Levene's* yang tidak signifikan (F=3.04, p=0.16), keputusan ujian-t sampel tak bersandar dalam Jadual 7 telah melaporkan bahawa tidak terdapat perbezaan min yang signifikan bagi amalan pendekatan proses belajar dalaman [t(148)=-0.26, p=0.80] berdasarkan jantina. Dari segi konstruknya, berdasarkan keputusan ujian *Levene's* yang tidak signifikan dalam Jadual 7 juga telah melaporkan bahawa tidak terdapat perbezaan min yang signifikan bagi amalan pendekatan proses belajar dalaman dari segi konstruk motif [t(148)=0.30, p=0.77] dan dari segi konstruk strategi [t(148)=-0.60, p=0.55] berdasarkan jantina. Justeru, H_{o2}, H_{o2a} dan H_{o2b} telah diterima. Maka, dapat dirumuskan bahawa amalan pendekatan proses belajar dalaman secara keseluruhannya dan dari sego konstruk motif dan strategi adalah sama antara murid lelaki dan murid perempuan dalam kajian ini.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Jadual 7: Ujian-t Sampel Tak Bersandar bagi Amalan Pendekatan Proses Belajar Dalaman Berdasarkan Jantina


Perbezaan min	Ujian-t bagi persamaan min								
	Ujian *Levene's*		*t*	*df*	*p*	Perbezaan min	Min ralat Piawai	99% selang keyakinan bagi perbezaan	
	F	*p*						Bawah	Atas
Dalaman	3.04	0.16	-0.26	148	0.80	-0.03	0.12	-0.27	0.21
Motif	0.40	0.53	0.30	148	0.77	0.03	0.12	-0.20	0.27
Strategi	2.89	0.91	-0.60	148	0.55	-0.10	0.16	-0.42	0.26

*Pada aras signifikan 0.05

4.4. Amalan pendekatan proses belajar yang lebih dominan dipraktikkan

Berdasarkan Jadual 2, Jadual 3 dan Graf 3, amalan pendekatan proses belajar dalaman (*M*=3.17, *SD*=0.74) adalah lebih tinggi adalah berada pada tahap sederhana tinggi berbanding dengan amalan pendekatan proses belajar permukaan (*M*=3.02, *SD*=0.58) yang berada pada tahap sederhana tinggi dalam kajian ini. Justeru, dapat dirumuskan bahawa amalan pendekatan proses belajar dalaman lebih dominan dipraktikkan dalam kalangan murid dalam kajian ini.

Graf 3: Amalan Pendekatan Proses Belajar dalam Kalangan Murid Sejarah



5. Perbincangan Kajian

Dapatan kajian ini telah melaporkan bahawa tahap amalan pendekatan proses belajar permukaan dan dalaman dan konstruknya iaitu motif dan strategi dalam kalangan murid sejarah berada pada tahap sederhana tinggi secara keseluruhannya kecuali bagi konstruk motif dalam amalan pendekatan proses belajar permukaan yang berada pada tahap sederhana rendah. Murid-murid sejarah dilaporkan telah mengaplikasikan kedua-dua jenis amalan pendekatan proses belajar semasa proses pembelajaran mereka dalam kajian ini. Hal ini demikian kerana murid-murid lebih cenderung mengamalkan pendekatan proses belajar dalaman semasa aktiviti pembelajaran yang melibatkan

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

aktiviti pemahaman dan penghayatan yang lebih mendalam tentang kandungan sejarah, manakala pendekatan proses belajar permukaan pula diamalkan semasa aktiviti pembelajaran yang melibatkan aktiviti penguasaan pengetahuan sejarah (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2018). Perkara ini adalah sealiran dengan pendapat Yesilyurt (2013), Choy, O'Grady dan Rotgans (2012), Gijbels, Van de Watering, Dochy dan Van den Bossche (2005) dan Trigwell dan Prosser (1991) yang telah menjelaskan bahawa pendekatan proses belajar permukaan diaplikasikan semasa aktiviti pembelajaran "*low-level learning product*" dan "*lower quality learning outcomes*", manakala pendekatan proses belajar dalaman pula diaplikasikan semasa aktiviti pembelajaran "*high-level learning product*" dan "*higher quality learning outcomes*". Justeru, dapat dirumuskan bahawa murid-murid sejarah mengamalkan pendekatan proses belajar yang berbeza semasa proses pembelajaran mata pelajaran sejarah dalam kajian ini.

Selain itu, dapatan kajian ini juga telah memaparkan bahawa tahap amalan pendekatan proses belajar dalaman serta konstruknya iaitu motif dan strategi berada pada tahap sederhana tinggi bagi murid lelaki dan perempuan. Namun, tahap amalan pendekatan proses belajar permukaan dan konstruknya iaitu motif dan strategi pula adalah berada pada tahap sederhana tinggi bagi murid perempuan berbanding dengan murid lelaki yang berada pada tahap sederhana rendah dalam kajian ini. Sungguhpun begitu, dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan min yang signifikan antara amalan pendekatan proses belajar permukaan dan dalaman serta konstruknya iaitu motif dan strategi berdasarkan jantina. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa murid lelaki dan murid perempuan telah mengamalkan pendekatan proses belajar dominan yang berbeza-beza semasa proses pembelajaran mata pelajaran sejarah. Hal ini adalah disebabkan oleh terdapat perbezaan-perbezaan yang berlaku dari segi cara berfikir, gaya belajar, ketahanan mental, pencapaian akademik dan sebagainya dalam kalangan murid yang telah mempengaruhi proses belajar mereka secara langsung dan tidak langsung dalam kajian ini (Suppiah, Ramlah & Abdul Aziz, 2008). Sungguhpun begitu, dapatan kajian ini didapati adalah sealiran dengan dapatan kajian Taher dan Jin (2011) yang telah melaporkan bahawa tidak terdapat perbezaan signifikan antara pendekatan proses belajar walaupun amalan pendekatan proses belajar dalaman dilaporkan dominan dipraktikkan berdasarkan jantina dan umur dalam kalangan murid pengurusan perniagaan. Malah, dapatan kajian Bronde et al. (2022) dan dapatan kajian Abbey et al. (1997) yang telah melaporkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara amalan pendekatan proses belajar berdasarkan jantina dan mata pelajaran dengan amalan pendekatan proses belajar dalaman yang lebih tinggi juga secara tidak langsung dapat menyokong dapatan kajian ini. Hal ini demikian kerana ketiga-tiga dapatan kajian tersebut iaitu kajian Taher dan Jin (2011), kajian Bronde et al. (2022) dan kajian Abbey et al. (1997) telah melaporkan bahawa majoriti murid-murid adalah lebih dominan mengamalkan pendekatan proses belajar dalaman semasa proses pembelajaran mereka. Justeru, dapat dirumuskan bahawa murid lelaki dan murid perempuan telah mengamalkan pendekatan proses belajar yang berbeza-beza semasa proses pembelajaran mata pelajaran sejarah dalam kajian ini.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini telah merumuskan bahawa amalan pendekatan proses belajar yang lebih dominan dipraktikkan oleh murid-murid semasa proses pembelajaran mata pelajaran sejarah adalah amalan pendekatan proses belajar dalaman. Dapatan ini adalah bertepatan dengan nilai min amalan pendekatan proses belajar dalaman yang dilaporkan lebih tinggi berbanding dengan amalan pendekatan proses belajar permukaan walaupun kedua-dua amalan pendekatan tersebut berada

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

pada tahap sederhana tinggi dalam kajian ini. Tambahan pula, murid lelaki dan murid perempuan juga dilaporkan lebih dominan mempraktikkan amalan pendekatan proses belajar dalaman dalam kajian ini. Perkara ini juga diperjelaskan melalui nilai min amalan pendekatan proses belajar dalaman yang dilaporkan lebih tinggi berbanding dengan amalan pendekatan proses belajar permukaan dalam kajian ini. Sungguhpun begitu, amalan pendekatan proses belajar dalaman yang dominan dipraktikkan dalam kalangan murid sejarah dalam kajian ini adalah konsisten dengan dapatan kajian-kajian lepas seperti dapatan kajian Fatima dan Rizof (2019), dapatan kajian Taher dan Jin (2011), dapatan kajian Astika dan Samakal (2020), dapatan kajian Wartinelli dan Reykau (2017), dapatan kajian Faridah, Salina dan Sarina (2017) dan dapatan kajian Abbey et al. (1997) yang telah melaporkan bahawa amalan pendekatan proses belajar dalaman adalah paling dominan dipraktikkan berdasarkan kepelbagaian disiplin ilmu iaitu bidang perubatan, pengurusan perniagaan, bahasa dan pendidikan.

Rentetan daripada itu, amalan pendekatan proses belajar dalaman yang lebih dominan dipraktikkan dalam kalangan murid sama ada bagi murid lelaki mahupun bagi murid perempuan dalam kajian ini adalah disebabkan oleh saranan dalam kurikulum mata pelajaran sejarah yang telah memfokuskan kepada kesepaduan aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2018). Hal ini demikian kerana mata pelajaran sejarah mempunyai teras struktur disiplin ilmu sistematik untuk mencari kebenaran masa lalu melalui pemikiran inkuiri yang melibatkan persoalan "Apa, Bila, Siapa, Dimana, Mengapa dan Bagaimana" yang perlu diterapkan semasa proses pembelajaran sejarah dilaksanakan. Tidak dinafikan juga melalui amalan pendekatan proses belajar dalaman, murid-murid sejarah lebih memahami sesuatu peristiwa sejarah masa lalu dengan pelbagai perspektif secara mendalam, dapat melihat peristiwa sejarah tersebut secara empati dan membina corak pemikiran yang lebih terbuka serta meletakkan diri mereka secara imaginatif dalam situasi seseorang tokoh atau peristiwa (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2018). Namun begitu, adalah diakui bahawa amalan pendekatan proses belajar dalaman yang lebih dominan dipraktikkan oleh murid sejarah dalam kajian ini adalah berkait rapat dengan pelaksanaan aktiviti dan strategi pembelajaran secara mendalam melalui pendekatan berpusatkan murid dan pembelajaran aktif yang telah disarankan dalam kurikulum mata pelajaran sejarah seperti kajian kes, pembelajaran berasaskan inkuiri, pembelajaran berasaskan masa depan, pembelajaran luar bilik darjah, belajar cara belajar, pembelajaran masteri, pembelajaran akses kendiri, pembelajaran secara konstruktivisme, pembelajaran secara konstekstual, aplikasi Teori Kecerdasan Pelbagai, pembelajaran berasaskan teknologi maklumat dan komunikasi, aplikasi teknik *Theory of Constraints* dan teknik belajar sambil bermain (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2018). Justeru, dapat dirumuskan bahawa amalan pendekatan proses belajar dalaman adalah lebih dominan dipraktikkan semasa proses pembelajaran dan pemudahcaraan sejarah dalam kalangan murid dalam kajian ini.

6. Kesimpulan

Kesimpulannya, tahap amalan pendekatan proses belajar permukaan dan dalaman berada pada tahap sederhana tinggi, di samping amalan pendekatan proses belajar dalaman merupakan amalan pendekatan yang lebih dominan yang dipraktikkan dalam kalangan murid sejarah dalam kajian ini. Implikasi kajian ini telah mencadangkan kepada guru-guru sejarah untuk melaksanakan proses pembelajaran yang lebih berkesan menjurus ke arah pengaplikasian pendekatan pembelajaran secara mendalam yang berpusatkan murid dalam mata pelajaran sejarah agar matlamat kurikulum mata

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

pelajaran sejarah yang ingin menjadikan seseorang murid yang arif dan peka tentang ilmu sejarah, di samping menyediakan mereka bagi menghadapi cabaran masa depan dengan memahami peristiwa masa lalu serta menghayati perjuangan tokoh-tokoh negara dapat dicapai.

Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)

Semua prosedur yang dilakukan dalam kajian ini yang melibatkan subjek manusia telah dijalankan mengikut piawaian etika jawatankuasa penyelidikan institusi. Kebenaran dan persetujuan mengikuti kajian turut diperoleh daripada semua peserta kajian.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Penulis merakamkan setinggi-tinggi ucapan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam menyumbangkan kepakaran dalam sorotan literatur ini

Kewangan (*Funding*)

Kajian dan penerbitan ini tidak menerima sebarang tajaan atau bantuan kewangan.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interests*)

Penulis melaporkan tiada sebarang konflik kepentingan berkenaan penyelidikan, pengarangan atau penerbitan kajian ini.

Rujukan

Abbey, S., Bailey, B., Dubrich, J., Moore, K., Young, J.N., Pedretti, E & Saranchuh, R. (1997). Multipradigm voices of doctoral sudents: shifting the boundaries of learning through a collaborative study process. *Qualitative Studies in Educational, 10*(1), 101-115.

Ahamed, S.S., Almarzaq, A., Almaghen, R., Alhardi, O., Jallal, A & Aloring, M. (2017). Assessing Saudi Medical students learning approach using the revisted two factors study process questionnaire. *International Journal of Medical Education*, 272 – 296.

Astika, G. & Samakal, D.T.Y.G. (2020). Students profiles through learning approaches using Biggs study process Questionnaire. *ELTR Journal, 4*(1), 36-42.

Baharom Mohamad & Iliyas Hashim (2010). *Gaya Pengajaran dan Pembelajaran*. Selangor: Pendidikan PTS professional.

Biggs, J., Kember, D., & Leung, D. Y. P. (2001). The revised two-factor Study Process Questionnaire: R-SPQ-2F. *British Journal of Educational Psychology, 71*(1), 133–149.

Biggs, J.B. (1987). *Student approaches to learning and studying*. Melbourne: Australia Council for Educational Research.

Bliac, A.M., Ellis, R.A., Goodyear, P., & Muntele, D. (2011). Understanding student learning in context: Relationship between students' social identity, approaches to learning and academic performance. *European Journal of Psychology of Education*, 26, 427 – 433.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Bronde, M.L., Ceboilla-Cornejo, J., Peiri, R., Andress, C.N., Esteras, C., Ferriol, M., Merle, H., Diez, M.J & Perezende-Castren, A. (2020). Study approaches of life science students using the Revised Two-Factor Study Process Questionnaire (R-SPQ-2F). *Education Science, 10*(173), 1-19.

Choy, J.L.F, O'Gready, G & Rotgans, J.I. (2012). Is the study process Questionnaire (SPQ) a good predictor of academic achievement? Examining the mediating role aof achievement related classroom behaviours. *Instruction Sciences*, 40, 159-172.

Cillers, C.D & Sternberg, R.J (2001). Thinking styles: Implications for optimizing learning and teaching in university education. *South Afrika Journal Humanities of Education, 15*(1), 13 – 24.

Duffy, T.M., & Cunningham, D.J. (1996). Constructivism: Implications for the design and delivery of instruction. In D.H. Jonassen (Eds.), *Handbook of research for educational communications and technology* (pp. 170-198). New York: Schuster Macmillan.

Ellah, B. O., Nwargu, L.N., & Achor, E.E. (2018). Metacognition awareness and study process of senior secondary school sciences students of low ability level. *Journal of research in curriculum teaching, 10*(1), 103 – 180.

Entwistle, N. & Tait, H. (1990). Approaches to learning, evaluations of teaching, and preferences for contrasting academic environment. *Higher Education,* 19, 169 – 194.

Entwistle, N.J. (1987). A model of the teaching – learning process. In J.T.E, Richardson, M.W. Bysenak and D. Warren Piper, (eds), *Student Learning: Research in Education and Cognitive Psychology*. Milton Keyness: SRHE and Open University Press, 13- 28.

Faridah Hussin, Salina Hamed & Sarina Md Jam. (2017). Approaches to learning of Engineering Students: Deep or surface? *International Academic Research Journal of Social Sciences, 3*(1), 122- 127.

Fatima, K. & Rizof, R.F. (2019). Comparing the learning approaches using Biggs Revides Study Process Questionnaire (R-SPQ-2F) among Dental Undergraduates. *JPDA, 28*(2), 68-73.

Fourie, C.M. (2003). Deep learning? What deep learning? *South Africa Journal Humanities of Education, 17*(1), 123- 131.

Gagnon, G.W., & Collay D.M. (2001). *Design for learning: Six elements in constructivist classrooms*. California: Corwin Press.

Garrison, D.R., Andrews, J & Magnusson, K. (1995). *Approaches to teaching and learning in higher education*. New Currents 2.1, January 1995.

Gijbels, D., Van de Watering, G., Dochy, F., & Van den Bossche, P. (2005). The relationship between students' approaches to learning and the assessment of learning outcomes. *European Journal of Psychology of Education, 20*(4), 327–341.

Hassall, T. & Joyce, J. (2001). Approaches to learning of management accounting students. *Education & Training, 43*(3), 145 – 152.

Kember, D. & Leung, D.Y.P. (1998). The dimensionality of approaches to learning: An investigation with confirmatory factor analysis on the structure of the SPQ and LPQ. *British Journal Education Psychology*, 68, 395 – 407.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembanguan Pendidikan Malaysia 2013 - 2025*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Lake, W., Boyd, W & Boyd, W. (2017). Understanding how students study: The Genealogy and Conceptual basis of a widely used pedagogical research tool, Biggs' Study Process Questionnaire. *International Education Studies, 10*(5), 100 – 108.

Leung, M.Y., Li, J., Fang, X., & Lu, M. (2006). Learning approaches of construction engineering student: A comparative study between Hong Kong and Mainland China. *Journal Education Environment, 1*(1), 112 – 131.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Mok, S.S (2008). *Pedagogi untuk pengajaran dan pembelajaran*. Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn Bhd.

Noriati, A. Rashid., Boon, P.Y., & Sharifah Fakhriah Syed Ahmad. (2009). *Murid dan Alam Belajar*. Selangor: Oxford Fajar Sdn Bhd.

Nunnally, J.C., & Bernstein, I.H. (1994). *Psychometric theory* (3rd ed). New York: McGraw Hill.

Phan, H.P., & Deo, B. (2007).The revised learning process questionnaire: A validation of a western model of students' study approaches to the South Pacific context using confirmatory factor analysis. *British Jounal of Educational Psychology*, 77, 719 – 739.

Pusat Perkembangan Kurikulum. (2018). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Mata Pelajaran Sejarah Tingkatan Empat dan Lima*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Sharifah Amnah Syed Ahmad. (2009). *Sumbangan peramal kognitif dan bukan kognitif terhadap pencapaian akademik dalam kalangan pelajar di sebuah institusi Pengajian tinggi awam*. Tesis Ijazah kedoktoran Universiti Sains Malaysia.

Smith, L. (2005). An investigation into student approaches to learning at a multicultural university using the revised study process Questionnaire. In A. Brew & C. Asmar (Eds.), *Higher Education in a Changing World: Higher Education Research and Development* (pp. 533-541). Sydney: HERDSA.

Suppiah Nachiappan, Ramlah Jantan dan Abdul Aziz Abdul Shukor (2008). *Psikologi Pendidikan*. Selangor: Oxford Fajar Sdn Bhd

Taher, A.M.H & Jin, C. (2011). Assessing learning approaches of Chinese local MBA students: An investigation using the Revides Two-factor Study Process Qustionnaire (R-SPQ-2F). *Educational Research and Reviews, 6*(19), 974-978.

Trigwell, K. & Prosser, M. (1991). Relating approaches to study and the quality of learning outcomes at the course level. *British Journal of Educational Psychology, 61*(3), 265-275.

Wartinelli, V. & Reykau, M. (2017). Evaluation of the Revised Two factor Study Process Questionnaire (R-SPQ-2f) for the student teacher approaches to learning. *Journal of Educational and Social Research, 7*(2), 9-13.

Yesilyurt, E. (2013). Metacognitive Awareness and Achievement Focused Motivation as the predictor of the study process. *International Journal Social Science and Education, 3*(4), 1013-1026.

Zhang, L.P. (2000). University students learning approaches in three cultures: An investigation of Biggs 3P models. *Journal Psychology*, 134, 31 – 36.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).